

Zeti bersama Ahmad Zulaarnain pada majlis pelancaran aplikasi Raiz secara maya di Kuala Lumpur, semalam.



Labur serendah 5 sen di Raiz

Aplikasi memudahkan beli saham amanah diurus PNB

Oleh Hazwan Faisal Mohamad hazwanfaisal@bh.com.my

Pemegang unit amanah yang diuruskan Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) kini boleh melabur serendah lima sen daripada baki akhir perbelanjaan mereka ke dalam aplikasi Raiz yang kemudian akan dilaburkan ke dalam dana unit amanah yang dikendalikan penguasa dana berkenaan.

Raiz adalah aplikasi mudah alih pelaburan mikro yang memanfaatkan duit baki secara maya daripada pembelian harian pengguna untuk melabur dalam dana harga berubah ASNB secara proaktif berdasarkan portfolio pelaburan peribadi masing-masing.

Ini adalah cara unik untuk

pengguna memanfaatkan sepenuhnya setiap sen yang dibelanjakan dengan bakinya boleh disimpan dan dilabur. Selain pelaburan yang dibundarkan, pengguna boleh memilih untuk melabur secara pelaburan sekaligus dan berulang.

Pemegang unit boleh memulakan pelaburan dengan memuat turun aplikasi mudah alih Raiz secara percuma dan memautkan kepada kad debit Maybank masing-masing.

Mereka boleh memberi kebenaran kepada Raiz untuk membundarkan setiap baki pembelian harian menggunakan kad dan kemudian membuat pelaburan dengan duit baki berkenaan.

Sebagai contoh, seorang pengguna membeli secawan kopi berharga RM7.50 dan membayarnya menggunakan kad debit Maybank. Jumlah bayaran tadi secara automatik dikenakan kepada RM8 dan baki sebanyak RM0.50 itu akan dimasukkan ke dalam aplikasi Raiz yang kemudian akan dilaburkan ke dalam unit amanah

di bawah ASNB mengikut portfolio pengguna berkenaan.

Pelabur juga hanya dikenakan caj RM1.50 sebulan untuk akaun dengan baki bawah RM6,000 dan 0.30 peratus setahun (dicajkan secara bulanan, dikira setiap hari) untuk akaun dengan baki RM6,000 ke atas.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz, berkata Raiz di Malaysia bermula apabila salah seorang baka muda PNB, Aidi Izham Mohd Khalil yang kini Ketua Eksekutif, Raiz Malaysia Sdn Bhd, mengemukakan ideanya di Cabaran Inovasi PNB yang diadakan secara tahunan.

Katanya, idea beliau adalah untuk membangunkan aplikasi mudah alih yang boleh melabur duit baki daripada pembelian harian secara automatik.

"Saya amat gembira kerana idea menarik ini dapat direalisasikan sebagai aplikasi mudah alih yang berpotensi besar untuk memberi manfaat kepada orang ramai secara menyeluruh.

"Didorong pengalaman dan

kepakaran Raiz Invest Australia, aplikasi inovatif Raiz kini tersedia dan boleh dimuat turun oleh semua rakyat Malaysia.

"Dengan pelancaran aplikasi Raiz dan memandangkan lebih 90 peratus rakyat Malaysia menggunakan telefon pintar, ini bermakna hampir semua orang boleh mula melabur dengan mudah melalui kaedah ini.

"Seperti kata pepatah, 'sikit-sikit lama-lama jadi bukit'. Pada era teknologi kini, kita tidak perlu lagi menyimpan duit dalam tabung syiling, sebaliknya, dapat melakukannya dengan Raiz," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran aplikasi itu secara maya di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulaarnain Onn; Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Raiz Invest Australia, George Simon Lucas serta Presiden dan Ketua Pengerusi Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Abdul Farid Alias.

Aplikasi Raiz dibangunkan

Raiz Malaysia, syarikat usaha sama antara anak syarikat Permodalan Nasional Bhd (PNB), Jewel Digital Ventures Sdn Bhd dan Raiz Invest Australia Ltd, anak syarikat Raiz Invest Ltd yang disenaraikan di Bursa Saham Australia (ASX).

Sementara itu Ahmad Zulaarnain berkata, pihaknya menyoar 60,000 pengguna akan memuat turun dan menggunakan aplikasi itu menjelang akhir tahun ini berbanding 15,000 ketika ini.

Katanya, bagi sebuah organisasi dengan visi untuk menjadi institusi pelaburan distinktif bertaraf dunia, pihaknya teruja untuk menjadi antara yang terawal untuk menggunakan peralatan serba canggih ini.

"Dengan penawaran nilai digitalnya, kami melihat potensi untuk Raiz menjadi pembuka laluan kepada mereka yang ingin mula melabur. Idea ini bersesuaian dengan usaha berterusan PNB memperkasa dan menggalakkan warga Malaysia untuk merancang kewangan lebih berhemah," katanya.